

Utusan Malaysia - 29 April 2009

Peserta FSTEP dijamin pekerjaan

KUALA LUMPUR 28 April – Para peserta Program Meningkatkan Tenaga Mahir dalam Sektor Kewangan (FSTEP) dijamin pekerjaan oleh institusi kewangan tajaan mereka menerusi skim yang disemak semula.

Skim yang dikenali sebagai Skim Pra-Pemilihan membolehkan 124 institusi kewangan terbabit memilih secara mendalam peserta FSTEP dan mengenalpasti calon untuk didaftarkan untuk program tersebut.

Ketua Pegawai Eksekutif Institut Bankbank Malaysia (IBBM), Dr. Mohd Kamal Khir berkata, penyemakan semula skim sedia ada sejajar dengan keperluan industri perkhidmatan kewangan.

Katanya, peserta dipilih oleh institusi kewangan untuk dilatih di bawah FSTEP melalui skim yang disemak semula itu.

“Ini boleh dilakukan dengan dua cara iaitu calon boleh dipilih sama ada oleh institusi kewangan mengikut kriteria yang ditetapkan oleh FSTEP atau daripada sekumpulan calon yang telah dipilih oleh FSTEP.

“Setelah tamat program, peserta yang berjaya akan diberi peluang pekerjaan oleh institusi kewangan yang menjadi penaja mereka,” katanya pada taklimat media mengenai skim baru itu di sini hari ini.

Mohd Kamal berkata, di bawah skim pra pemilihan itu, setiap institusi kewangan yang menjadi penaja akan membiayai elaun biasiswa dan menyediakan latihan semasa kerja kepada setiap peserta sepanjang program selama setahun itu.

Sementara itu katanya, di bawah skim sedia ada, peserta dipilih oleh FSTEP sendiri dan elaun biasiswa berjumlah RM2,200 sebulan dibiayai oleh Dana Latihan Kakitangan (STF) yang diuruskan oleh IBBM.

“Walaupun elaun biasiswa dan latihan semasa kerja akan dibiayai dan disediakan oleh institusi kewangan, namun FSTEP akan terus menanggung perbelanjaan lain bagi memastikan kualiti latihan berkekalan,” ujarnya.

Tambahnya, skim pra pemilihan dijangka menggalakkan latihan semasa kerja yang lebih berkesan dan berstruktur oleh institusi kewangan memandangkan peserta dikenalpasti dan dipilih oleh mereka.

Menurut beliau, skim pra pemilihan itu akan dilaksanakan pada 6 Julai ini apabila pengambilan untuk kumpulan keempat bermula.